

Beri ANTONIM (KATA BERLAWAN) bagi setiap perkataan yang bergaris di bawah.

- Jika teh itu \_\_\_\_\_, tambahkan air supaya rasanya tawar.
- Awangku Tajuddin seorang biduan terkenal di Negara Brunei Darussalam sementara isterinya Dayang Norsiah pula seorang \_\_\_\_\_.
- Sejak dia mengamalkan petua itu, kepalanya yang botak kini sudah \_\_\_\_\_.
- Kita dianjurkan makan sayur-sayuran \_\_\_\_\_ dan elakkan makan sayur-sayuran yang sudah layu.
- Baginda mempunyai seorang putera yang tampan dan tiga orang \_\_\_\_\_ yang jelita.

(5 markah)

Beri ANTONIM (KATA BERLAWAN) bagi setiap perkataan yang bergaris di bawah.

- Kita digalakkan membeli barangan asli, elakkan membeli barangan \_\_\_\_\_.
- Dia masih ingat akan sahabatnya tetapi sahabatnya telah \_\_\_\_\_ akan dirinya.
- Kita mesti mengutip sampah sarap di kawasan itu kerana orang ramai kerap \_\_\_\_\_ sampah di merata-rata tempat.
- Buah mangga itu \_\_\_\_\_ ketika masak tetapi masam semasa mentah.
- "Barang yang masih elok perlu disimpan dengan cermat tetapi yang sudah \_\_\_\_\_ perlu dibuang," kata ibu kepada Ali.

(5 markah)

Beri ANTONIM (KATA BERLAWAN) bagi setiap perkataan yang bergaris di bawah.

- Masih ramai yang mendaki gunung itu, namun sudah ada yang \_\_\_\_\_ juga.
- Parang yang \_\_\_\_\_ kalau diasah akan menjadi tajam.
- Abangnya kecil tetapi \_\_\_\_\_ nya berbadan besar.
- \_\_\_\_\_ mendidik murid supaya menjadi orang yang cerdik, pandai dan berguna kepada negara.
- Kakak rajin memasak tetapi \_\_\_\_\_ mencuci pinggan.

(5 markah)

Beri ANTONIM (KATA BERLAWAN) bagi setiap perkataan yang bergaris di bawah.

- a. Imam menyampaikan khutbah dengan jelas manakala \_\_\_\_\_ mendengar dengan khusyuk.
- b. Buatlah pekerjaan yang berfaedah dan tinggalkan pekerjaan yang \_\_\_\_\_.
- c. Ramai pekerja di bandar berasal dari \_\_\_\_\_.
- d. Biasanya nelayan pergi ke laut pada waktu \_\_\_\_\_ dan pulang pada waktu petang.
- e. Anak-anak mudah menerima teguran secara lembut tetapi sukar menerima teguran secara \_\_\_\_\_.

(5 markah)

Beri ANTONIM (KATA BERLAWAN) bagi setiap perkataan yang bergaris di bawah.

- a. Anak yang derhaka mendapat dosa tetapi yang \_\_\_\_\_ akan mendapat pahala.
- b. Kami mendaki Bukit Shahbandar dari kaki bukit hingga ke \_\_\_\_\_ nya.
- c. Pengakap itu bertenaga mendaki Gunung Kinabalu tetapi letih apabila \_\_\_\_\_ nya.
- d. Dia lulus dengan cemerlang kerana belajar bersungguh-sungguh tetapi adiknya \_\_\_\_\_ kerana malas belajar.
- e. Kakak membeli kereta \_\_\_\_\_ kerana kereta lamanya selalu rosak.

(5 markah)

Beri ANTONIM (KATA BERLAWAN) bagi setiap perkataan yang bergaris di bawah.

- a. Bekas pelajar itu baharu bertemu semula dengan gurunya setelah 40 tahun \_\_\_\_\_.
- b. Kesedihan yang dialaminya bertukar menjadi \_\_\_\_\_ kerana mendapat hadiah komputer yang baru.
- c. Bangunan yang baru dibina itu telah \_\_\_\_\_ kan kerana melanggar peraturan kerajaan.
- d. Penolong guru besar ada di sekolah tetapi guru besar \_\_\_\_\_ kerana menghadiri mesyuarat di Kementerian Pendidikan.
- e. Murid-murid yang cerdas dipisahkan dengan murid-murid yang \_\_\_\_\_ kerana memudahkan guru mengajar.

(5 markah)

Beri ANTONIM (KATA BERLAWAN) bagi setiap perkataan yang bergaris di bawah.

- a. Bau busuk dalam stor itu menjadi \_\_\_\_\_ apabila disembur dengan bahan pewangi.
- b. Tegurlah anak dengan bahasa yang \_\_\_\_\_, elakkan menegur mereka menggunakan bahasa kasar.
- c. Anak benih yang ditanam oleh Pak Mat itu habis \_\_\_\_\_ oleh pekerjanya.
- d. Pada waktu subuh, burung-burung keluar mencari makanan dan akan pulang ke sarang pada waktu \_\_\_\_\_.
- e. Mak Siti sangat sayang anak-anaknya, tetapi dia \_\_\_\_\_ dengan sikap anaknya yang pemalas itu.

(5 markah)

Beri ANTONIM (KATA BERLAWAN) bagi setiap perkataan yang bergaris di bawah.

- a. Buku-buku abang kebanyakannya tebal tetapi buku-buku saya pula kebanyakannya \_\_\_\_\_ sahaja.
- b. Ayah suka minum kopi yang cair, sebaliknya ibu suka minum kopi yang \_\_\_\_\_.
- c. Kerbau itu akan duduk apabila \_\_\_\_\_ dan meragut rumput semula apabila lapar.
- d. Dia \_\_\_\_\_ dengan keluarga ibu saudaranya itu tetapi benci dengan anak sulungnya yang sombong.
- e. Untung sabut \_\_\_\_\_, untung batu tenggelam.

(5 markah)

Beri ANTONIM (KATA BERLAWAN) bagi setiap perkataan yang bergaris di bawah.

- a. Bau busuk di rumah itu menjadi \_\_\_\_\_ apabila disembur dengan bahan pewangi.
- b. Mula-mula kereta yang dihanyutkan arus itu \_\_\_\_\_, lama-kelamaan kereta itu tenggelam.
- c. Nelayan-nelayan tidak turun ke laut ketika laut bergelora sebaliknya mereka akan turun apabila laut \_\_\_\_\_.
- d. Mona telah gagal dalam peperiksaan pertengahan tahun tetapi dia \_\_\_\_\_ dengan cemerlang dalam peperiksaan akhir tahun.
- e. "Jangan pakai baju yang terlalu ketat, pakailah baju yang \_\_\_\_\_ sedikit," kata ibu kepada kakak.

(5 markah)